

19 JUL 2003

Hamid-Tafsir

AHLI POLITIK DAN AJARAN SESAT CENDERUNG TAFSIR AL-QURAN DENGAN CARA SENDIRI

PENDANG, 19 Julai (Bernama) -- Golongan ahli politik dan pengamal ajaran sesat di negara ini merupakan kalangan yang cenderung mentafsirkan Al-Quran untuk kepentingan sendiri sehingga menyebabkan berlakunya perpecahan umat, kata Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin,

Beliau berkata kerajaan sering memantau golongan terbabit supaya tindakan mereka tidak melampaui batas dan kerajaan akan sentiasa bertindak mengambil tindakan susulan keatas mereka.

"Golongan terbabit menggunakan kefahaman mereka sendiri untuk membuat tafsiran terhadap Hadis dan Al-Quran, dan bukannya berdasarkan asas-asas dalam ilmu tafsiran itu sendiri," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar kecemerlangan PIBG di Sek Men Keb Kubur Panjang dekat sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa melancarkan Al-Quran Mushaf Malaysia Taba'ah Ain At-Taqwa, Jumaat lepas bahawa perpecahan umat Islam hari ini bukan berpunca daripada ajaran Islam yang terkandung dalam Al-Quran dan hadis-hadis sahih, tetapi tafsiran berbeza-beza dan bertentangan oleh golongan terpelajar.

Abdul Hamid berkata golongan politik dan pengamal ajaran sesat adalah golongan yang sama bahayanya terhadap perpecahan umat jika mereka terus mengamalkan tafsiran Al-Quran dan Hadis mengikut acuan tersendiri.

Tanpa menyatakan golongan politik terbabit, beliau berkata golongan itu memperalatkan agama untuk mencapai cita-cita politik mereka tanpa mengambil kira kesan terhadap masyarakat.

"Golongan ini jugalah yang menyebabkan kehidupan masyarakat Melayu dan umat Islam amnya dalam keadaan berpuak-puak dan berpecah belah," katanya lagi.

Katanya, kerajaan akan terus memberi penjelasan dan kesedaran kepada orang ramai mengenai perlakuan salah tafsir Al-Quran dan hadis oleh mana-mana golongan sekalipun.

Beliau berkata, pentafsir ataupun penterjemah A-Quran dan hadis perlu mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh para ulama supaya tidak timbul kekeliruan dan kesesatan dalam beragama.

-- BERNAMA

MNH MZM AZH